

# Pelancongan bawa untung pada semua

DATUK Sri Dr. Mahathir menerima sambutan tradisi Dayak setibanya beliau untuk merasmikan sidang PATA '86 di Kompleks Dagangan Dunia Putra semalam. Di belakangnya ialah Datuk Sri Datin Paduka Dr. Siti Hasmah dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Razaleigh Hamzah.

(P) UM '15.4.85.

**K**UALA LUMPUR 14 April — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini merasmikan sidang PATA '86 dengan penuh keyakinan semua penduduk akan dapat mengaut keuntungan serta menikmati kehidupan yang lebih selesa menerusi kekayaan yang diperolehi daripada hasil menggalakan industri pelancongan di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan, faedah pelancongan kepada negara-negara miskin mengatasi aspek-aspek negatif pelancongan dan oleh demikian, rakyat Malaysia hendaklah menghentikan anggapan kononnya kemasukan pelancong akan meruntuhkan kebudayaan serta nilai-nilai tempatan.

Sambil mempertahankan dasar Malaysia mengembangkan industri pelancongan, Perdana Menteri lalu menyenaraikan faedah-faedah yang dapat diperolehi iaitu:

- Pembangunan negara dapat diperluaskan untuk semua penduduk,

## Pelancongan bawa untung pada semua

UM 15. 9. 86

• Dalam keadaan ke-melesetan ekonomi sekarang, Malaysia perlu mengalihkan pandangan kepada pelancongan untuk mengatasi kejatuhan harga barangan,

• Penjual cenderungata juga mendapat faedah di samping pengusaha hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan

• Masyarakat Malaysia boleh melatih diri menjadi lebih progresif dan beramah mesra.

Upacara perasmian yang berlangsung dengan penuh adat istiadat warisan kebudayaan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra itu dihadiri oleh 3,000 orang termasuk 2,000 perwakilan yang datang daripada seluruh dunia.

Upacara kira-kira dua jam itu yang dicap sebagai peristiwa yang tidak dapat dilupakan bagi tahun ini juga disiarkan terus menerus oleh RTM ke seluruh negara.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengecam hebat orang-orang yang menurutnya ingin melihat aspek negatif pelancongan dengan membuat dakwaan kononnya pelancongan akan mengakibatkan hakisan kebudayaan, nilai-nilai serta cara hidup rakyat Malaysia.

"Orang-orang ini berkata oh alangkah indahny

jika orang-orang Malaysia dibiarkan mendiami tempat asalnya tanpa dicemari oleh pelancong membawa kamera dan wang."

Perdana Menteri berkata beliau bersetuju tidak ada lain yang lebih cantik daripada melihat bulan penuh mengambang di sebuah pondok atap dengan lambaian pohon-pohon kelapa.

"Tetapi bagi orang yang mendiami pondok itu yang di saat ini berpeluh dan cuba hendak tidur sambil menghalau nyamuk, keindahan alam di sekelilingnya tidak dapat dinikmatinya. Ia sudah tentu mahukan rumah teres berbatu bata, elektrik dan air paip dan lain-lain prasarana moden."

Datuk Sri Dr. Mahathir yakin mereka akan mendapat mengecapi nikmat itu, jika mendapat faedah daripada pelancongan atau sekurang-kurangnya apabila negara diperkayakan menerusi pelancongan.

Perdana Menteri berpendapat kebudayaan boleh dipelihara dan begitu

juga pondok usang, bulan mengambang dan pokok-pokok jika itu yang mahu dilihat oleh pelancong.

Tetapi, beliau mengingatkan negara tidak harus dibiarkan didedahkan kepada gigitan nyamuk dan kehidupan yang tidak selesa semata-mata ada orang yang mahukan kehidupan mereka tidak tercemar oleh pelancong.

"Memelihara zaman batu sudah tentu menjadikan bahagian dunia di sini cantik dan menarik tetapi itu harga yang mahal untuk penduduknya cuma kerana kita ingin melihat kecantikan yang dikatakan itu."

"Malaysia tahu bahawa jika ia kehilangan ciri-ciri khasnya, pelancong tidak akan datang, tetapi kita juga tahu kita dapat mempertahankan ciri-ciri kita tanpa perlu disiksa oleh gigitan nyamuk dan pondok-pondok usang," jelasnya.

Perdana Menteri menyedari pelancongan tidak 100 peratus baik kerana nilai-nilai buruk dan cara hidup merebak sete-

lah lebih ramai orang mampu mengembara.

Tetapi katanya, sesebuah negara itu perlu tahu mengurangkan akibat buruk pelancongan dan jika negara memerlukan nasihat mengenai caranya, nasihat itu boleh diberikan.

"Tetapi tidak ada satu negarapun patut dilindungi daripada pelancong oleh kumpulan-kumpulan yang berniat baik kecuali jika beberapa alternatif yang dapat menyumbang kepada pembangunan dapat diberikan," tambahnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata industri pelancongan telah menjadi satu kuasa yang kuat khususnya di Asia di mana ia mendatangkan perniagaan sebanyak AS\$100 bilion setiap tahun dan semakin meningkat.

Pada tahun 1984, 300 juta orang mengembara di seluruh dunia dan perkembangan industri kembara akan berterusan di masa depan dengan harga pengembaraan yang turun.

Bagi Malaysia, katanya, pelancongan memainkan

peranan terutama dalam kesusahan ekonomi sekarang dan oleh kerana ramai rakyat Malaysia melancong, kerajaan perlu menggalakkan kemasukan pelancong untuk mengimbangkan perdagangan itu.

Bagaimanapun beliau mengingatkan pelancongan bukanlah jawapan mudah untuk masalah ekonomi mana-mana negara oleh kerana seperti industri lain, ia juga memerlukan perancangan, pelaburan dan dasar-dasar sokongan kerajaan.

Oleh demikian, kerajaan perlu menentukan kestabilan politik dan peraturan yang minimum yang tidak mendatangkan kesusahan kepada pelancong.

Mengenai pelancongan di kawasan Pasifik, Datuk Sri Dr. Mahathir yakin ia mempunyai potensi tinggi untuk pelancongan dan menjelang kurun ke-21, ia akan dapat mengatasi bahagian Atlantik sebagai tempat yang paling maju dari segi ekonomi di dunia.